

02/02/1997

Elak sengketa sesama Islam: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Isa Nikmat

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam di negara ini merapatkan hubungan bagi membolehkan mereka terus menikmati kemakmuran dan kemewahan negara serta berpeluang beribadat tanpa sebarang masalah.

Perdana Menteri berkata umat Islam perlu mengelakkan daripada bermusuhan sesama sendiri seperti berlaku di negara lain dan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan agama dan undang-undang negara.

Beliau berkata di sesetengah negara, masyarakatnya hidup menderita dan sukar beribadat dengan sempurna kerana keadaan huru-hara akibat bermusuhan sesama Islam.

Menurutnya, umat Islam harus sedar bahawa walaupun negara mewah dan mampu menyediakan masjid yang besar dan indah untuk beribadat, mereka sukar beribadat secara sempurna jika keadaan huru-hara, khususnya sesama umat Islam.

Dr Mahathir juga meminta mereka mengekalkan keharmonian dengan rakyat bukan Islam supaya kedua-dua golongan itu dapat hidup mewah dan menikmati kemakmuran negara.

"Kita berharap dapat merapatkan hubungan di kalangan orang Islam negara ini supaya kita semua dapat hidup mewah, tenang dan boleh beribadat tanpa masalah.

"Apa guna bermusuhan sedangkan ia tidak membawa kebaikan. Sebaliknya jika berbaik-baik dengan mengikut peraturan serta patuh kepada undang-undang masyarakat kita akan selamat.

"Ada di sesetengah negara umat Islam bertelagah sebab perselisihan faham sehingga sanggup menyembelih sesama Islam kononnya perjuangan untuk Islam.

"Agama Islam tidak ada sebarang niat buruk terhadap Islam dan bukan Islam, sebaliknya menuntut persaudaraan sesama Islam. Selain itu, Islam juga mengajar kita tidak bermusuh dengan bukan Islam yang tidak bermusuh dengan kita.

"Justeru, untuk menikmati kemewahan, kemakmuran dan kemudahan beribadat, kita perlu merapatkan hubungan dan mengelakkan keadaan huru-hara," katanya pada majlis berbuka puasa di Masjid Padang Lalang, di sini, semalam.

Hadir sama ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Ahli Parlimen Langkawi.

(END)